

08/11/1999

Malaysia, Indonesia tidak perlu pihak ketiga

KUALA LUMPUR, Ahad - Pemerintahan baru Indonesia berharap sebarang masalah dua hala antara negara itu dan Malaysia diselesaikan melalui rundingan, bukan menerusi pihak ketiga.

Perkara itu dinyatakan oleh Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid dalam pertemuan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sebuah hotel terkemuka di sini, semalam.

Mengulas hasil pertemuan itu yang pertama sejak Abdurrahman atau lebih dikenali sebagai Gus Dur, dipilih sebagai presiden keempat Indonesia pada 20 Oktober lalu menggantikan B J Habibie, Dr Mahathir berkata:

"Kita dapati dari segi hubungan dua hala, tidak ada banyak perubahan selain mereka (Indonesia) berpendapat apa juga masalah antara Malaysia dan Indonesia, boleh diselesaikan melalui rundingan, tak payah rujuk kepada mana-mana pihak ketiga."

Perdana Menteri yang ditemui pemberita pada majlis Rumah Terbuka Deepavali Menteri Kerja Raya Datuk Seri S Samy Vellu di sini hari ini, bagaimanapun tidak menyebut secara khusus masalah dua hala yang dimaksudkan itu.

Pada masa ini, Malaysia dan Indonesia terbabit dalam tuntutan bersama terhadap kepulauan Ligitan dan Sipadan di Laut China Selatan.

Oktober lalu, kedua-dua negara menandatangani Notifikasi Bersama untuk merujuk kes itu kepada Mahkamah Pengadilan Antarabangsa (ICJ) dan sepakat akan menerima sebarang keputusan ICJ sebagai muktamad.

Dr Mahathir berkata, pertemuannya dengan Presiden baru Indonesia itu lebih bersifat berkenalan.

"Kerana ini pemerintahan baru, kita nak tahu apa sikap dia," kata Perdana Menteri.

Mengenai permintaan Indonesia bagi mendapatkan kredit tambahan pembelian beras, Dr Mahathir berkata:

"Kita sudah memberi mereka kredit bagi pembekalan beras. Kita sudahpun menghantar beras bernilai kira-kira AS\$50 juta (RM190 juta) tetapi jika mereka memerlukan lebih banyak lagi, kita bersedia memberi lebih kredit kepada mereka."

Perdana Menteri berkata, kemudahan kredit itu diberi atas semangat untuk membantu negara jiran.

Ditanya sama ada Malaysia akan mengambil lebih banyak pekerja dari Indonesia, Dr Mahathir berkata, pengambilan itu akan dilakukan mengikut keperluan tetapi buat masa ini Malaysia mempunyai pekerja yang mencukupi.

Semalam, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dalam taklimat kepada pemberita selepas pertemuan dua pemimpin itu berkata, Indonesia meminta tambahan kredit AS\$200 juta (RM760 juta) daripada AS\$100 juta (RM380 juta) yang diberikan Petronas untuk membeli beras.

Syed Hamid berkata, Indonesia, negara keempat paling padat dengan penduduk di dunia pernah menjadi pengeksport beras tetapi kini tidak mampu membeli komoditi itu kerana kekurangan simpanan asing berpunca daripada krisis kewangan negara itu.

(END)